

Sabtu, Mac 24 2018

CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST)

GST manfaat kepada rakyat, negara

BH 24/3

➔ Kerajaan buat keputusan demi kebaikan jangka panjang



Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak berkata, usaha memperkenalkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) di negara ini sudah bermula sejak 1984 tetapi pentadbiran negara ketika itu, tidak mempunyai kesungguhan politik untuk melaksanakannya.

Perdana Menteri berkata, ini kerana pelaksanaan GST adalah keputusan yang sukar serta boleh memberi kesan dalam aspek politik.

"GST ini bukan baharu, sebenarnya sejak 1984 lagi tetapi kerajaan masa itu tidak memiliki kesanggupan politik untuk melaksanakannya kerana ia adalah keputusan sukar dan ada kesan politik.

"Namun, kerajaan hari ini sanggup menanggung kesan itu kerana yakin GST membawa manfaat kepada rakyat dan negara untuk jangka panjang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sesi dialog bersama Penasihat kepada Perdana Menteri untuk NTP, Datuk Seri Idris Jala, pada Pelancaran Laporan Program Transformasi Negara (NTP) 2017 di Pusat Dagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC) di sini, malam tadi.

Terdahulu, Idris mengajukan soalan kepada Perdana Menteri berhubung dakwaan kononnya GST menyumbang kepada kenaikan kos sara hidup ketika ini, ditambah dengan tindakan kerajaan menarik subsidi bahan api.

Menjawab soalan itu, Najib menafikan dakwaan kenaikan kos sa-

ra hidup adalah berpunca semata-mata daripada GST kerana kerajaan memilih pelaksanaan secara berhati-hati ketika memperkenalkan cukai itu pada 1 April 2015.

Inflasi catat penurunan

Malah, katanya, kadar inflasi negara juga mencatatkan penurunan sejak GST diperkenalkan.

"Dalam sejarah negara, kadar inflasi negara mencapai tahap tertinggi pada 1998 dan 2008, iaitu sebelum GST diperkenalkan.

"Pada Julai 2008, kadar inflasi mencecah 8.4 peratus, namun sejak GST diperkenalkan, kadar inflasi menurun kepada 2.1 peratus pada 2015; 2.1 peratus pada 2016; 3.7 peratus pada 2017 dan terkini pada Februari lalu hanya 1.4 peratus," katanya.

Perdana Menteri berkata, seba-

nyak 578 barangan dikecualikan atau berkadar sifar GST, khususnya barangan asas seperti beras, ayam, telur, ikan, daging, sayur, roti, mi, nyak masak, buah-buahan, bahan api, buku serta perubatan.

Najib turut menafikan kerajaan sebagai 'syok sendiri' kerana segala inisiatif yang dilaksanakan sejak beliau menjadi Perdana Menteri pada 2009, menjadi manfaat kepada rakyat Malaysia.

"Pengangkutan awam negara dinikmati kira-kira 1.2 juta rakyat. MRT (Transit Aliran Massa) saja digunakan 120,000 pengguna setiap hari dan meningkat.

"Kumpulan lain seperti nelayan mendapat bantuan setiap bulan dan pekebun kecil pula dapat setiap tiga bulan, manakala Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dinikmati tujah juta rakyat," katanya.

[FOTO SYARAFIQ ABD SAMAD/BH]



Penerima manfaat berkongsi pengalaman pada majlis Pelancaran Laporan Tahunan Program Transformasi Negara 2017 di MITEC, Kuala Lumpur, malam tadi.



Kerajaan hari ini sanggup menanggung kesan itu kerana yakin GST membawa manfaat kepada rakyat dan negara untuk jangka panjang"

Najib Razak,
Perdana Menteri